

11/03/2000

Islamophobia punca media Barat lancar propaganda

Mohd Izani Mohd Zain

ORANG bukan Islam khususnya Barat berjaya mencalarakan imej Islam sehingga ia dianggap agama yang menganjurkan keganasan, kezaliman dan kekejaman. Lebih malang, imej Islam seperti itu melahirkan satu perasaan benci dan alergi (alahan) kepada Islam yang kini dinamakan Islamophobia atau fobia kepada Islam. Sebelum ini Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi tulisannya dalam sebuah akhbar luar negara baru-baru ini, ada meluahkan kekesalannya terhadap usaha pihak-pihak tertentu terutamanya media Barat yang mengembar-gemburkan orang Islam bersikap melampau dan ganas. Menurut beliau, Barat sering mendakwa orang Islam tidak boleh mentadbir dengan baik dan cenderung kepada keganasan.

Sejak bilakah berlakunya fenomena Islamophobia ini? Ada beberapa jawapan untuk persoalan ini. Pertama, dikatakan fenomena ini bermula sejak adanya Islam lagi. Menurut Dr Yaqub Zaki menerusi rencananya "The Politics of Islamophobia", sindrom fobia kepada Islam ini sudah berakar sejak kemunculan Islam lagi iaitu di zaman Quraisy. "Islamophobia is as old as Islam ; it began with Quraish".

Kedua, Ali A Mazrui menerusi rencananya "Islam and Islamophobia Conflicting Images in Eurocentric World " dalam buku Islamic and Political Economy in Capitalist-Globalization, menyatakan fenomena ini bermula selepas Perang Salib apabila Sallabuddin al-Ayubi berjaya menjadikan Palestin milik Islam. Ini kerana dengan kemenangan Islam, Kristian yang dikalahkan amat mencemburuinya lantas meletakkan segala kekurangan dan kelemahan kepada Islam, sedangkan Islam adalah ajaran yang paling sempurna.

Justeru, umat Islam mulai dipandang rendah dan hina seperti orang kulit hitam. Pandangan ini berterusan di kalangan penganut Kristian di Eropah dengan bersikap berat sebelah terhadap Islam.

Faktor ketiga ialah Revolusi Iran pada 1979. Revolusi yang dianggap kebangkitan terbesar umat Islam mutakhir ini menjadi kegerunan kepada Barat bahawa sebenarnya umat Islam akan kuat sekiranya bersatu. Kesatuan muslimin di Iran di bawah pimpinan Ayatullah Khomeini berjaya menjatuhkan kerajaan Shah Iran. Memang tidak dinafikan, revolusi Iran memberikan kesan besar kepada kebangkitan umat Islam seluruh dunia termasuk di negara-negara Asia yang lain. Sebaliknya, kebangkitan ini dieksploitasi oleh Barat dan melabelkan umat Islam menganjurkan keganasan dan kekejaman.

Faktor keempat ialah selepas berakhirnya Perang Dingin yang menyaksikan fahaman komunisme berkubur apabila kerajaan komunisme Soviet Union jatuh pada 1989. Rata-rata masyarakat dunia membuat andaian bahawa dengan jatuhnya komunisme maka Islam akan mengambil alih tempatnya dalam peradaban masyarakat di dunia. Malah Perdana Menteri Britain ketika itu, Margaret Thatcher berpendapat Islam sebagai musuh komunisme akan menggantikan tempatnya selepas berakhir Perang Dingin.

Islamophobia yang semakin menular sekarang turut dikatakan bersifat global dan bukan sekadar berkaitan dengan perkara pokok dalam agama. Menurut Dr Yaqub, ada banyak cabang Islamophobia, antaranya Islamophobia dalam perkara agama, politik dan kebudayaan. Jelasnya, fenomena fobia terhadap Islam ini berlaku dalam semua bidang, bukan berlegar dalam asas-asas Islam semata-mata. Dalam ketiga-tiga bidang itu, Islamophobia dalam bidang politik dikatakan kian berkembang dan memberikan kesan lebih mendalam terhadap perkembangan Islam itu sendiri. Ini diperakui seorang sarjana Barat, Gilles Kepel dalam bukunya Allah In The West: Islamic

Movements In America And Europe yang diterbitkan oleh Stanford University Press, Stanford, California. Beliau berpendapat Islam sering dijadikan fokus dan pemerhatian kuasa politik Barat.

Secara politik, beliau menulis umat Islam di Amerika Syarikat dan Perancis dianggap penganas. Malah, Islam di mata mereka lebih dikenali sebagai agama yang radikal, terkebelakang (mundur), tidak menghargai hak asasi manusia dan tidak bertolak-ansur. Di Amerika Syarikat, masalah utama kaum muslimin berkulit hitam ialah status warga negaranya. Ini kerana, mereka masih dianggap sebagai budak sebagaimana nenek moyang mereka yang datang dari Afrika. Hak-hak asasi mereka dirampas dan dipandang seperti sampah.

Layanan politik sebegini mencipta satu gerakan yang dinamakan Nation of Islam di bawah pimpinan Elijah Muhammad. Beliau berusaha mengangkat harga diri kaumnya itu dan bersikap radikal dengan menolak idea penyatuan orang kulit hitam dan kulit putih. Menurutny, orang kulit putih adalah iblis dan sumber kejahatan. Pemikiran ini berjaya meresap dalam pemikiran umat Islam berkulit hitam di sana sehingga menimbulkan ketegangan dan permasalahan yang serius dalam sistem sosial di Amerika.

Di Perancis pula lebih mengharukan. Umat Islam menerima layanan politik yang buruk daripada pemerintah. Menurut Kepel, kebijaksanaan politik Perancis nampaknya kurang bersahabat dengan Islam. Buktinya, mereka secara aktif mengganggu setiap gerakan yang mengarah kepada perkembangan Islam. Itulah sebabnya pada Oktober 1989, tiga muslimah diberhentikan dari bersekolah di Creil kerana memakai jilbab. Sikap berat sebelah ini dapat dilihat terhadap pembatalan kemenangan kumpulan Islam, Front Islamic Salvation (FIS) di Algeria - negara yang pernah dijajahi Perancis. Kemenangan FIS memang mencemaskan Perancis. Dengan alasan ia boleh melahirkan golongan radikal dan penganas, mereka menangkap dan memenjara tokoh dan pejuang FIS pada November 1993.

Islamophobia politik turut menggembar-gemburkan betapa Islam sebuah agama yang tidak pandai menguruskan demokrasi. Ini kerana kebangkitan Islam seringkali dilabelkan dengan pemberontakan dan rampasan kuasa, bukannya dengan menurut proses demokrasi seperti pilihan raya. Gambaran ini ditolak oleh Profesor Frans Magnis Suseno dalam diskusi buku Tiga Agama Satu Tuhan yang diselenggarakan oleh Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI) baru-baru ini. Beliau berkata, umat Islam amat menjiwai demokrasi dan akan sentiasa patuh kepada sistem itu.

Beliau berkata, di Indonesia contohnya, meskipun golongan majoritinya adalah umat Islam, ia akan mengubah sistem demokrasi yang mana golongan majoriti ini tidak sama sekali akan menghukum golongan minoriti. Malah, pemilihan Presiden dan Naib Presiden Oktober lalu, membuktikan Indonesia yang 90 peratus penduduknya beragama Islam patuh kepada amalan demokrasi.

Bilakah akan berakhirnya prasangka buruk terhadap Islam ini? Ini juga satu persoalan yang menarik untuk dikupas. Ada yang berpandangan fenomena ini akan berpanjangan dan tidak kurang juga yang berkeyakinan ia adalah fenomena sementara yang akan terhakis hasil kefahaman Barat. Buktinya, ada pemikir Barat yang mula menyedari kesilapan Barat melayani Islam selama ini. Antaranya, Profesor Gordon Conway dari Universiti Sussex di Britain. Beliau secara ikhlas mengakui, media Barat seringkali mengeluarkan propaganda memburukkan Islam dan bimbang dengan fenomena ini.

Hal ini turut dirasakan oleh Profesor Hubungan Antarabangsa, London School of Economis, Fred Halliday. Beliau yang menerbitkan buku Islam and Myth of Confrontation menegaskan Islam bukanlah agama yang sukakan keganasan seperti mana yang disensasikan. Umum menyifatkan tanggapan baru yang dirasai oleh tokoh akademik Barat ini sememangnya dialu-alukan. Ia sekurang-kurangnya akan membawa satu dimensi baru terhadap penakrifan Islam dan kesedaran Barat ini amat baik kerana ia datang dari pemikir dan

intelektual yang boleh menerima kebaikan Islam itu sendiri.
(END)